

MAHATHIR-OLIGARKI

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI : 10 APRIL,

1984

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENOLAK KEMUNGKINAN LAHIRNYA SISTEM OLIGARKI DALAM SISTEM EKONOMI NEGARA INI AKIBAT DASAR PENSUASTAAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN INI TIDAK MUNGKIN BERLAKU DI MALAYSIA KERANA ASASNYA ATAU LATARBELAKANGNYA BERBEZA DENGAN NEGARA-NEGARA AYANG WUJUDNYA OLIGARKI (KUASA PADA SATU ATAU BEBERAPA KELUARGA SAJA).

DINEGARA-NEGARA ASING, KATANYA, TERDAPAT TUAN TANAH YANG MEMILIKI TANAH BERPULUH RIBU EKAR SESEORANG ATAU PUN SATU KECUARGA TETAPI DI MALAYSIA TIDAK ADA KELUARGA YANG MEMILIKI TANAH YANG SEBEGITU LUAS.

SERCAKAP OX RANCANGAN EHWAL SEMASA TV MALAYSIA DATUK SERI DR. MAHATHIR SERKATA DI KALANGAN PARA PETANI YANG MENANAM PADI DI NEGARA INI UMPAMANYA TANAH YANG TERLUAS SEKALI CUMA KIRA-KIRA 25 HEKTAR.

"XNI SAJA YANG MENJADI TUAN TANAH. JADI TIDAK MUNGKIN ORANG-ORANG INI AKAN MENJADI BEGITU BESAR SEHINGGA MENGUSAHAI SELURUH PERNIAGAAN.

"DAN ORANG-ORANG YANG BERJAYA DALAM BIDANG PERNIAGAAN SEKARANG INI PUN KEBANYAKANNYA TERDIRI DARIPADA GOLONGAN PROFESIONAL YANG MEMASUKI BIDANG PERNIAGAAN DAN MEREKA MENGURUS SYARIKAT-SYARIKAT KEPUNYAAN ORANG RAMAI." --LAGI 1640/AJ

ZCZC 8594

MAHATHIR-OLIGARKI 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA INI BERMAKNA TIDAK ADA SATUPUN PERNIAGAAN YANG DIMILIKI OLEH CUMA SATU ORANG SAHAJA.

KATANYA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) DAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) YANG MEMILIKI SYARIKAT-SYARIKAT GEWARGAS DI NEGARA INI PUN MERUPAKAN MILIK KIRA-KIRA 1.5 JUTA RAKYAT.

"INI MENUNJUKKAN BAHWA YANG MEMILIKI SYARIKAT-SYARIKAT BESAR DI NEGARA INI TERDIRI DARIPADA ORANG RAMAI TERMASUK JUGA MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH.

"JADI KEADAAN DINEGARA INI SEBENARNYA MEMPUNYAI ASAS YANG LAIN. DI MALAYSIA INI PERKARA SEUMPAMA ITU (OLIGARKI) TIDAK MUNGKIN BERLAKU," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENSIFATKAN SEBAGAI SATU DONGENG DAKWAAN KONGKONGNYA DASAR PENSUASTAAN AKAN HANYA MEWUJUDKAN BEBERAPA KERAT BUMIPUTERA DAN TIDAK AKAN MENGUNTINGKAN BUMIPUTERA TERSANYAK DI SAMPING MEWUJUDKAN YANG KAYA BERTAMBAH KAYA DAN YANG MISKIN PAPA KEDANA.

INI, KATANYA, TIDAK BENAR DI MALAYSIA. --LAGI 1644/AJ  
MAHATHIR-OLIGARKI 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

"JADI KALAU KITA SEBUT SEDIKIT TENTANG PENUNTUT YANG ADA DI UNIVERSITI, DAN KITA KATA SAHAWA MEREKA INI DAHULUNYA MISKIN DAN SEKARANG BELAJAR DAN ADA KEMUNGKINAN MEREKA MENJADI KAYA, INI MENUNJUKKAN MINAT KITA UNTUK MENENTUKAN ORANG MISKIN DAPAT MENJADI KAYA.

"SESALIKNYA KALAU KITA KATA PENUNTUT KITA DALAM UNIVERSITI TERDIRI DARIPADA ORANG KAYA DAN KERAJAAN MENOLONG CUMA ORANG KAYA SAHAJA, KITA BERBANGGA KERANA BEGITU BANYAK SEKALI ORANG KAYA YANG ADA DI KALANGAN BUMIPUTERA DAN KITA TIDAK HARUS MERASA IRIHATI ATAU PUN KHUATIR DENGAN PERKARA ITU," TEGASNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENOLAK DAKWAAN KONONNYA BELIAU LEBIH BANYAK MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PROJEK-PROJEK YANG BESAR SEPERTI INDUSTRI BERAT, AEROBUS DAN KERETAPI LAJU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBENARNYA BELIAU SENDIRI BANYAK SERCAKAP TENRANG. PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN ORANG-ORANG MISKIN.

"TETAPI NAMPAKNYA AKHBAR BAHKAN RTM SENDIRI TIDAK BEGITU BERMINAT KALAU SAYA BERCAKAP TENTANG SOAL SOAL DI KAMPUNG. SAYA BERCAKAP BERKALI-KALI TENTANG SOAL MENGATASI KEMISKINAN DAN BOLEH SAYA SENARAIKAN PROJEK-PROJEK YANG TELAH DIUSAHAKAN ATAS DORONGAN SAYA SENDI R.I., KATANYA. --LAGI 1658/AJ

**MAHATHIR-OLIGARKI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)**

BELIAU BERKATA SEBENARNYA DULUPUN RAKYAT TIDAK SUKA MELIHAT KEADAAN DI MANA BUMIPUTERA KETINGGALAN DI BELAKANG DAN ORANG LAIN MENJADI JUTAWAN DAN SEBAGAINYA.

TETAPI SEKARANG APABILA WUJUD ORANG-ORNG KAYA DARI KALANGAN BUMIPUTERA, RAKYAT KATA PULA ADA PERBEZAAN ANTARA BUMIPUTERA DENGAN BUMIPUTERA.

"KALAU KITA FIKIR SECARA LOJIK, DARI MANAKAH DATANGNYA ORANG YANG KAYADI KALANGAN BUMIPUTERA LNL?

"KALAU DULU MEREKA TIDAK WUJUD, SEKARANG INI MEREKA WUJUD, TENTULAH MEREKA DATANG DARI GOLONGAN YANG MISKIN DAHULU. INI BERMAKNA YANG MISKIN SUOAH PUN MENJADI KAYA," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENCINGATKAN BAHAWA DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU (DEB), KERAJAAN CUBA MEMBOLEHKAN GOLONGAN MISKIN MENINGKATKAN DAYA PENDAPATAN MELALUI PELAJARAN DAN HASILNYA HARI INI BERPULUH RIBU BUMIPUTERA TELAH MENDAPAT PELAJARAN TERMASUK DALAM BIDANG PROFESIONAL DAN PENDAPATNA MEREKA KINI SUDAH PUN MENINGKAT.

INI, KATANYA, JUGA WENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA DARI GOLONGAN MISKIN SUDAH MENJADI ORANG KAYA S E C A R A SEDERHANA. --LAGI 1633/AJ  
MAHATHIR-OLIGARKI 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PROJEK-PROJEK ITU TERMASUKLAH SATE RIA, SATE ANEKA, KARUN, H.A.S. (INDUSTRI TENUNAN DAN TEKAT-MENEKAT), KARYANEKA DAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BULUH, ROTAN DAN TANAH LIAT.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PROJEK INI BERMULA DARI PEJABATNYA TETAPI IA NAMPAKNYA TIDAK BEGITU MENARIK SEBAGAI BAHAN DALAM AKHBAR.

"JADI NAMPAK SEOLAH-OLAH SAYA TIDAK MENUMPUKAN KEPADA PERKARA-PERKARA SEPERT I INI. SEBALIKNYA KALAU SAYA SEBUT SAJA HICOM (PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA) ATAU PUN MOTOKAR MALAYSIA, SEMUANYA BEGITU BERMINAT UNTUK BERTANYA ITU DAN INI.

"JADI NAMPAKLAH SEOLAH-OLAH SAYA INI MENUMPUKAN KEPADA SOAL-SOAL INDUSTRI BERAT DAN TIDAK KEPADA SOAL PEMBANGUNAN LUAR BANDAR. WAL H A L SAYA DIPILIH DARIPADA KAWASAN LUAR BANDAR," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA DITANYA SAMADA PERANAN BESAR YANG DIBERI KEPADA SEKTOR SWASTA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA TERLALU BERASASKAN ANDAIAN YANG OPTIMIS BAHAWA PERTUMBUHAN EKONOMI AKAN BERKEMBANG CUKUP UNTUK MEMBOLEHKAN SEKTOR ITU MEMAINKAN PERANANNYA.

BELIAU MENJAWAB BAHAWA ANDAIN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN TERPAKSA DIBUAT KALAU INGIN MENGADAKAN SESUATU RANCANGAN. --LAGI 1718/AJ  
MAHATHIR-OLIGARKI 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SAMADA KERAJAAN MEMBERI PERANAN KEPADA SWASTA DAN JIKA ANDAIAN ITU TIDAK TEPAT, MAKA KERAJAAN JUGA TIDAK DAPAT MENGATASINYA WALAUPUN PERANAN ITU DIUBAH KEPADA KERAJAAN SENDIRI.

JADI DARIPADA SEGI PENCAPAIAN SEKTOR SWASTA EERDASARKAN RAMALAN-RAMALAN YANG TELAH DIBUAT, JIKA PENCAPAIAN MEREKA TIDAK PADA TAHAP YANG PERLU DICAPAI, MAKA INI BUKANLAH KERANA TIDAK ADA USAHA OLEH MEREKA TETAPI KERANA PERKEMBANGAN EKONOMI SELURUH DUNIA TELAH MEROSOT, TAMBAHNYA.

+INI MEMPUNYAI KESAN TERHADAP KERAJAAN DAN JUGA SEKTOR SWASTA. OLEHITU KITA TIDAK BOLEH BERKATA BAHAWA DAHULU PIHAK SWASTA TIDAK BERJAYA.

+MEREKA TIDAK BERJAYA BUKAN KERANA SALAH MEREKA TETAPI KERANA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA, + TEGASNYA. --BERNAMA 1728/PA